

SOALAN 7 : PETIKAN SASTERA

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Wad Unit Rawatan Rapi dilimpahi cahaya kalimantang. Kilau kilitnya gagal memadamkan amarah hati. "Doktor Murni, semalam 50 pek darah masuk ke tubuhnya, 50 pek darah juga yang keluar. Hari ini dia mahu diberi darah lagi? Prognosisnya terlalu tipis."

"Ini arahan, Nusia." Suara doktor yang berkerudung ungu itu kendur. Mukanya muram.

"Darah dan manusia itu, berbezakah nilainya? Kalau harganya pangkat dan darjah, padamkan saja istilah kemanusiaan dalam hati. Untuk apa kalau semuanya boleh dibeli?"

"Nusia!"

Aku cepat-cepat beredar. Suara Doktor Murni melantun ke dinding pejal wad Unit Rawatan Rapi. Solehah yang tenat, yang pundi janinnya pecah di ovari, juga sedang koma. Al-Hafiz masih terlantar, tulang selangkannya patah riuk, diheret kereta sejauh dua meter di tar keras, tidak pernah pun dijenguk Profesor Doktor Juaidi.

Juga si kecil, bayi buangan yang hampir kekeringan darah. Gadis malang yang dibelasah hingga tinggal nyawa-nyawa ikan dan mahasiswa leukemia yang semakin cair sel darah merah di tubuhnya itu, tidak perlukah mereka itu diberi darah?

Dipetik daripada cerpen 'Gerhana Manusia'

oleh Aminah Mokhtar

dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

Tenang-tenang air di laut,
Sampan kolek mudik ke tanjung;
Hati terkenang mulut menyebut,
Budi yang baik rasa nak junjung.

Bunga melati bunga di darat,
Bunga seroja di tepi kali;
Hina besi kerana karat,
Hina manusia tidak berbudi.

Bunga cina di atas batu,
Jatuh daunnya ke dalam ruang;
Adat dunia memang begitu,
Sebab emas budi terbuang.

Dipetik daripada 'Pantun Budi'

Arah Pendidikan Sdn. Bhd.

Antologi *Baik Budi, Indah Bahasa*

Bahan 3**ERTI HIDUP BERERTI**

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angah ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang.

Dipetik daripada sajak ‘Erti Hidup Bererti’
oleh Teo Wei Sing
Antologi Sejadah Rindu
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkap kedua pantun. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan semua bahan, nyatakan sifat-sifat yang bertentangan dengan nilai kemanusiaan. [4 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah ciri-ciri untuk menjadi seorang yang disanjung dan dihormati? [3 markah]
- (iv) Sikap pilih kasih perlulah dijauhi kerana kita sewajarnya bersikap adil sesama manusia. Anda mempunyai seorang rakan yang suka membanding-bandingkan guru sehingga ada dalam kalangan guru yang berkecil hati dengan sikapnya itu.

Anda pernah menerima Anugerah Murid Contoh sempena Hari Anugerah Kecemerlangan Sahsiah di sekolah, bagaimanakah anda menasihatinya agar bersikap adil terhadap guru-guru? [4 markah]

[Lihat halaman sebelah
SULIT